

# Halatujau Perkembangan Pembangunan Pelajar di Kolej Kediaman: Satu Perkongsian

Rafidah Aga Mohd Jaladin  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya,  
50603 Kuala Lumpur  
rafidah\_aga@um.edu.my

Noh Haji Amit  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Tunku Abdul Rahman,  
46200 Petaling Jaya  
noahamit@yahoo.com

**Abstrak:** Pembangunan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) amnya dan di kolej kediaman khususnya amat perlu dititik beratkan kerana aspek ini dapat membantu perkongsian bestari di antara institusi pendidikan dan organisasi kerjaya. Justeru, kertas ini akan mengupas lima halatujau perkembangan pembangunan pelajar yang menginap di kolej-kolej kediaman sebagai garis panduan untuk menjana projek-projek yang mampu menggilap potensi diri pelajar dan dapat menyumbang kepada kecemerlangan organisasi. Lima halatujau tersebut merangkumi aspek-aspek berikut iaitu (a) kecemerlangan akademik, (b) perpaduan kaum, (c) budaya penyayang, (d) pengantarabangsaan, dan (5) aspirasi kerajaan. Kepentingan setiap halatujau yang dikongsi dibincangkan dengan merujuk kepada keperluan pelajar di IPT dan juga keperluan pasaran kerja semasa. Kertas ini juga membincangkan mekanisme-mekanisme yang sesuai bagi menjayakan setiap halatujau yang disasarkan.

**Katakunci:** Kecemerlangan akademik, perpaduan kaum, budaya penyayang, pengantarabangsaan, aspirasi kerajaan.

## Pengenalan

Rancangan Malaysia Ke-9 baru sahaja dilancarkan dan salah satu misi nasional yang disasarkan ialah untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama' [1]. Kerajaan meramalkan bahawa kejayaan masa hadapan bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki, bukan sahaja dari segi intelek tetapi juga keperibadian. Misi Kerajaan ini hanya dapat dicapai sekiranya terdapat penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara secara menyeluruh dari peringkat pra-sekolah hinggalah ke peringkat tinggi dan vokasional. Golongan pelajarlah yang menjadi tonggak dalam merealisasikan hasrat murni Kerajaan ini. Justeru, universiti-universiti bukanlah sekadar penyumbang utama sumber manusia dalam pelbagai bidang yang mampu menghasilkan banyak graduan tetapi mestilah berupaya menghasilkan graduan yang berkualiti. Salah satu aspek penting dalam menghasilkan graduan yang berkualiti ialah dengan memberi penekanan kepada usaha-usaha pembangunan pelajar yang seimbang dari segi intelek, emosi, dan keperibadiannya.

Kertas kerja ini akan mengupas isu-isu pembangunan pelajar di kolej kediaman terutama dari segi kepentingan pembangunan pelajar di kolej kediaman dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam merealisasikan hasrat murni Kerajaan. Satu rangka kerja bagi agenda pembangunan pelajar di kolej kediaman dicadangkan dengan menggariskan lima halatujau utama yang harus diambil bagi memastikan bakal graduan yang dihasilkan berkualiti dan mempunyai 'minda kelas pertama'.

## Kepentingan Pembangunan Pelajar di Institusi Pengajian Tinggi

Pembangunan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT) merupakan tanggungjawab bersama semua pihak iaitu bahagian akademik, pengurusan tertinggi universiti, bahagian hal ehwal pelajar, dan pengurusan kolej kediaman [9]. Pembangunan pelajar di IPT amnya dan di kolej kediaman khususnya adalah amat penting kerana ia merupakan agen penyumbang dalam perkongsian bestari di antara institusi pendidikan dan organisasi kerjaya. Pelajar yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) merupakan aset bagi sesebuah IPT dan idaman bagi semua organisasi [9]. Justeru, semua pihak perlu bergabung tenaga dan bekerjasama dalam merealisasikan impian ini dengan merancang program-program pendidikan dan perkembangan yang dapat memenuhi keperluan pasaran kerja kelak. Salah satu bentuk

pembangunan pelajar yang semakin diberi perhatian oleh pihak pengurusan tertinggi universiti ialah menjana projek-projek berbentuk perkembangan, pencegahan, dan pemulihan yang sesuai dijalankan di kolej-kolej kediaman [2].

Namun begitu, masih ramai yang belum menyedari bahawa kolej kediaman wajar dijadikan tempat untuk menggalakkan proses pendidikan tidak formal dalam pelbagai bidang meliputi 4 dimensi kehidupan sendiri dan kemasyarakatan. Pembangunan peribadi pelajar adalah satu proses harian yang perlu dibuat melalui empat dimensi kehidupan iaitu fizikal, mental, spiritual dan sosio-emosi [6]. Empat dimensi ini memelihara dan menambah keupayaan dan membantu pelajar untuk mendisiplinkan minda, tubuh badan dan roh. Kejayaan melakukan pembangunan ini merupakan satu kemenangan ke atas diri pelajar sendiri. Bukan sahaja kemenangan peribadi harian yang akan merangsang pertumbuhan malah ia juga membantu pelajar berinteraksi dengan orang lain dengan lebih baik.

Banyak manfaat yang dapat dicapai hasil dari pembangunan pelajar di kolej kediaman ini antaranya (1) dapat mewujudkan suasana hidup yang berharmoni, bermuafakat dan sejahtera di kalangan para penghuni kolej, dan (2) dapat melahirkan golongan pelajar yang beriman dan bertaqwa, berdikari dan serba boleh, bertoleransi, sihat dan cergas, kreatif dan cintakan universiti dan negara. Justeru, satu garis panduan yang terperinci perlu diadakan untuk mencetus, merangka, merancang, menyelaras dan melaksanakan pelbagai jenis kegiatan di kolej kediaman. Dengan adanya garis panduan ini, hasrat universiti dan kerajaan yang inginkan pembangunan pelajar yang seimbang dari segi JERIS serta mempunyai pengetahuan yang kemahiran kepemimpinan yang diingini oleh organisasi kerajaan dapat dicapai [8].

Namun tidak dapat dinafikan bahawa dalam memastikan satu rangka kerja atau garis panduan kegiatan pelajar di kolej-kolej kediaman yang benar-benar berkesan, cabaran-cabaran yang wujud di kolej kediaman harus benar-benar dikenal pasti dan difahami terlebih dahulu. Sekiranya cabaran yang sedia ada wujud dan tidak diambil kira dalam menggubal rangka kerja kegiatan pelajar maka nescaya akan timbul masalah-masalah yang sama atau berbangkit kelak. Justeru, berikut diuraikan beberapa cabaran utama dalam mencetus, merangka, merancang, menyelaras dan melaksanakan pelbagai jenis kegiatan di kolej kediaman hasil daripada pengalaman penulis sebagai felo selama enam tahun di kolej kediaman swasta dan awam.

### **Cabaran-Cabaran dalam Pembangunan Pelajar Di Kolej Kediaman**

Kebanyakan cabaran dalam pembangunan pelajar yang wujud di kolej-kolej kediaman berpunca dari cara berfikir pelajar sendiri [6][7]. Melalui pengalaman dan pemerhatian berkhidmat di kolej kediaman, telah didapati bahawa pelajar yang mempunyai 10 jenis pemikiran yang salah amat sukar dibantu dan dibangunkan. Contoh-contoh pemikiran yang salah adalah seperti di dalam Jadual 1.

**Jadual 1. Sepuluh cara pemikiran yang salah di kalangan pelajar**

CARA BERFIKIR YANG SALAH	CARA BERFIKIR YANG DIHARAPKAN
1. <i>Spoonfeeding</i>	Usaha sendiri
2. Bergantung pada orang lain	Berdikari
3. Ya/Tidak	Lebih kreatif... Cari jalan lain
4. Kalah/Menang	Menang/Menang
5. Awak...suka menyalahkan orang lain	Muhasabah diri
6. Terpaksa	Sukarela/Bertanggungjawab
7. Ditakdirkan/reaktif	Proaktif
8. Berpuak-puak	Integrasi kaum
9. Berbagai alasan	Berbagai peluang
10. 'Otak' subsidi	'Otak' ikhlas dalam melakukan sesuatu

Merujuk kepada Jadual 1, para pelajar perlu di'kejut'kan dari pemikiran yang salah dan perlu dibangunkan minda mereka ke arah yang lebih produktif. Ini bermakna pelajar perlu membuat anjakan paradigma dari segi pemikiran terlebih dahulu untuk menghasilkan satu corak pemikiran yang baru. Justeru, para penyelia dan pengetua kolej serta pihak Hal Ehwal Pelajar perlu memainkan peranan mereka dengan lebih aktif demi untuk mengenal pasti pemikiran yang salah dan membantu pelajar membuat anjakan paradigma dengan cara yang berkesan.

### **Cadangan Garis Panduan Pembangunan Pelajar di Kolej Kediaman**

Berikut merupakan cadangan garis panduan yang diperoleh hasil daripada forum, bengkel, seminar dan dialog pembangunan pelajar di Kolej Kediaman yang telah disertai oleh para pengetua dan penyelia kolej kediaman di Universiti Malaya [4][5]. Hasil dari perbincangan dan cetusan idea setiap pihak, maka lima halatujū perkembangan pembangunan pelajar di kolej kediaman telah dapat dihasilkan.

### **Halatujū 1: Kecemerlangan Akademik**

Setiap insan yang bergelar mahasiswa atau mahasiswi menginginkan kecemerlangan dalam akademik. Pelajar yang cemerlang dalam akademiknya dianggap cemerlang dalam pemikiran, sikap, dan tingkah laku [3]. Namun begitu, kecemerlangan dalam akademik yang diukur dengan PNGK semata bukanlah jaminan dalam melahirkan graduan yang mempunyai 'minda kelas pertama'. Pembangunan dari segi JERIS perlu juga seimbang dengan pencapaian akademik pelajar. Hal inilah yang merupakan cabaran utama bagi semua pendidik khususnya pensyarah kerana kekangan masa waktu pertemuan yang terhad dengan pelajar tidak mampu untuk membantu pelajar dalam semua aspek kehidupan mereka. Bahkan, melalui pembelajaran formal di dewan-dewan kuliah dan di bilik-bilik seminar, hasrat inginkan kecemerlangan masih belum tentu dapat dikecapi oleh semua pelajar. Justeru, kegiatan di kolej kediaman perlu dijadikan landasan sampingan bagi memenuhi hasrat setiap pelajar.

Mekanisme bagi menjayakan halatujū ini bukan boleh dibuat oleh pihak pengetua dan penyelia sahaja tetapi memerlukan sokongan dan kerjasama dari bahagian hal ehwal pelajar dan pihak pengurusan tertinggi universiti. Tenaga dan masa sahaja tidak dapat merealisasikan halatujū kecemerlangan akademik di kolej kediaman tanpa dibekalkan dengan dana atau peruntukan yang secukupnya. Sekiranya kesemua keperluan asas seperti prasarana, masa, tenaga, peruntukan, dan komitmen semua pihak telah ada, maka beberapa mekanisme bagi menjayakan halatujū ini dapat dilaksanakan antaranya:

- i. Kolej kediaman perlu memastikan projek-projek pelajar mestilah mempunyai unsur yang mendorong kepada peningkatan prestasi akademik pelajar seperti bengkel teknik belajar dan seminar pembangunan akademik pelajar;
- ii. Kolej-kolej kediaman perlu meningkatkan kemudahan-kemudahan pembelajaran kepada pelajar seperti Bilik Bacaan, bilik-bilik perbincangan di setiap blok dan kemudahan ICT seperti kemudahan internet di bilik-bilik pelajar.
- iii. Bahagian Hal Ehwal Pelajar perlu menubuhkan *Student Support Centre* bagi membantu pelajar mengatasi masalah akademik dan mendapatkan bimbingan berkaitan pencapaian akademik. Selain itu juga, pusat ini perlu disediakan kemudahan lain seperti kafeteria, cyber café dan lain-lain kemudahan kepada pelajar. Penggunaan nama pusat ini *Student Support Centre* akan lebih menarik minat pelajar untuk mendapatkan khidmat yang diperlukan.
- iv. Kolej Kediaman perlu mengadakan Kelas Bimbingan kepada pelajar yang di bawah pemerhatian dan memberi bantuan akademik kepada mereka.
- v. Kolej Kediaman perlu memberi pengiktirafan kepada pelajar yang mendapat pencapaian akademik yang cemerlang seperti Anugerah Pengetua.
- vi. Kolej Kediaman perlu menggalakkan pelajar belajar secara berkumpulan (*Study Group*) dengan pemantauan Penyelia Kolej Kediaman. Kemudahan minuman perlu juga disediakan sebagai galakan.

Mekanisme-mekanisme bagi menjayakan halatujū kecemerlangan akademik pelajar bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan kerana ia memerlukan perancangan yang amat rapi dalam pengurusan kegiatan pelajar, pembangunan prasarana di kolej dan juga perkhidmatan dan kemudahan. Namun, sekiranya semua pihak terutama pihak pengurusan tertinggi universiti, bahagian hal ehwal pelajar, pengetua, penyelia, ibu bapa dan para akademik bergabung tenaga, kesemua mekanisme tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya.

### **Halatujū 2: Perpaduan Kaum**

Perpaduan kaum dan pertumbuhan ekonomi negara yang rancak merupakan teras dan jentera untuk menjana kejayaan Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Bahkan, usaha melestarikan pembangunan negara supaya menjadi lebih rancak memerlukan asas perpaduan kaum yang jitu. Ia sebenarnya pra-syarat kepada segala pelaksanaan RMK-9 dan program pembangunan negara kita. Namun, persoalan yang diajukan oleh pemerhati politik ialah apakah kita sudah berjaya memupuk perpaduan rakyat antara kaum ke akar umbi dan sekali gus melestarikan kestabilan sosial? Kenapa polarisasi kaum di

kalangan belia, pelajar dan rakyat semakin melebar sehinggakan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) perlu mengemukakan pelan lima tahun dalam RMK-9 sebagai bentuk formula baru?

Matlamat perpaduan kaum adalah untuk pembentukan identiti Malaysia di dalam masyarakat yang pelbagai. Ini bermakna mereka menghargai persamaan dan menghormati perbezaan di kalangan kaum tanpa menyifatkan yang budaya atau agama mereka adalah yang terbaik. Dalam masyarakat majmuk, menghargai perbezaan bukanlah satu perkara yang mudah untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Ini adalah kerana menghargai perbezaan merupakan satu corak pemikiran di mana kita meletakkan nilai positif kepada kelainan yang ada pada orang lain [6][7]. Pemikiran sebegini hanya dapat dipupuk melalui proses mengintegrasikan kaum melalui sistem sosial, ekonomi, politik dan pendidikan Malaysia. Dengan menghargai perbezaan, pelajar kaum minoriti dapat mengurangkan rasa tersisih dan rendah diri mereka dalam kelompok yang besar. Bahkan pada masa yang sama, sikap prejudis dan diskriminasi akan dapat dikurangkan di kalangan pelajar dari kaum yang dominan.

Oleh itu, para pelajar perlu sensitif dengan aspek agama dan sosiobudaya yang pelbagai. Perkara ini akan dapat dicapai melalui pemupukan budaya hidup masyarakat yang harmoni—sebagai contoh menghadiri perayaan dan memenuhi jemputan kebudayaan rakan daripada agama, budaya dan bangsa lain. Dengan cara ini, ia akan dapat membangkitkan dan memupuk rasa dan semangat saling mempercayai di kalangan kaum.

Berikut digariskan beberapa mekanisme bagi menjayakan halatuju ke arah perpaduan kaum di kolej kediaman, antaranya ialah:

- i. Perlantikan Jawatankuasa Tindakan Kolej dan Jawatankuasa Induk Kolej haruslah dari pelbagai kaum.
- ii. Setiap tingkat blok kediaman perlu dicampurkan ahlinya daripada pelbagai kaum. Penghuni berlainan kaum digalakkan ditempatkan sebilik.
- iii. Mengadakan ceramah/kursus/bengkel yang menjurus ke arah perpaduan kaum untuk kesedaran bersama.
- iv. Kolej Kediaman perlu memantau dan menggalakkan peranan ketua kaum dari kalangan pelajar untuk memastikan penyertaan daripada kaum mereka bagi setiap aktiviti kolej kediaman.
- v. Kolej perlu mengadakan program pemahaman agama dan cara hidup pelbagai kaum kepada penghuni secara berterusan untuk menanam rasa hormat kepada pelbagai budaya sesama penghuni.
- vi. Kolej Kediaman perlu menjalankan projek kebudayaan secara bersepadu.
- vii. Mengadakan pemantauan untuk mengurangkan polarisasi kaum di kolej terutamanya di dewan makan, bilik belajar dan ketika menjalankan aktiviti sukan.
- viii. Kolej Kediaman perlu menjalankan projek kebudayaan secara bersepadu.

Asas kepada kesejahteraan sosial ialah darjah toleransi, kemuafakatan; sikap kurang prasangka, anti-ethnosentrisme, dan sekali gus pemahaman dan penghayatan nilai dan wawasan negara yang dikongsi bersama seperti Rukun Negara, Islam Hadhari dan Misi Nasional Negara. Komunikasi antara budaya dan silang budaya dalam konteks pembinaan negara dan pembentukan masyarakat yang toleran, berbudi bahasa dan bermoral tinggi khususnya perpaduan rakyat memerlukan pemantauan rapi dan penelitian yang teratur. Justeru, para penyelia dan pengetua serta Bahagian Hal Ehwal Pelajar perlu menjalankan pemantauan yang berterusan bagi menjayakan halatuju ini.

### **Halatuju 3: Budaya Penyayang**

Budaya penyayang akan dapat diwujudkan dengan adanya rasa kekitaan dan rasa dipunyai. Rasa ini terbit daripada semangat hormat-menghormati dan saling menghargai sesama kaum dalam hal-hal kebajikan. Kebajikan adalah nilai yang sepatutnya ada pada diri individu makhluk sosial. Nilai inilah yang sepatutnya mengikat dan menyatukan tatahidup bermasyarakat dan bernegara. Masyarakat yang berpegang pada nilai ini akan menyanjung budaya pemurah dan budaya penyayang yang menjadi teras kepada nilai kebajikan. Rasa mengambil berat dan ingin membantu mereka yang memerlukan tanpa mengira agama dan bangsa perlu disepadukan. Ini menggalakkan mereka untuk rasa lebih bertanggungjawab di antara satu sama lain [4]. Oleh itu, penyemaian semangat sukarela perlu menjadi agenda pembangunan pelajar. Ini bermaksud mereka mampu untuk memberi respon kepada masalah sosial terutama yang melibatkan aspek kemanusiaan dan kebajikan tanpa mengira siapa yang berdepan dengan pelbagai kesukaran dan kesempatan hidup kesan daripada malapetaka mahupun kemusnahan.

Dalam memupuk budaya penyayang di kalangan pelajar, beberapa mekanisme boleh dilaksanakan antaranya ialah:

- i. Kolej Kediaman mengadakan kempen dan hebahan program Budaya Penyayang melalui:
  - a. Media massa
  - b. Media elektronik
  - c. Laman Web
  - d. Poster dan kain rentang
- ii. Kolej Kediaman mengadakan Ceramah, Forum dan Dialog berkaitan Budaya Penyayang. Tumpuan kepada pihak Pengurusan dan pelajar untuk mengenalpasti masalah secara berkala.
- iii. Kolej Kediaman boleh mengadakan kerjasama dengan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi meluaskan jaringan perhubungan melalui program-program kebajikan dan kemasyarakatan. Contoh : Yayasan Budi Penyayang.
- iv. Kolej Kediaman boleh mengadakan Program Khidmat Sosial kepada masyarakat secara berterusan. Golongan sasaran seperti golongan istimewa, miskin, warga emas, dan remaja bermasalah.

Kesemua mekanisme yang di atas memerlukan penghayatan. Jika tidak diberi penghayatan yang betul, akan mengakibatkan matinya budaya pemurah dan budaya penyayang dalam masyarakat dan seterusnya menghapuskan budaya kebajikan dalam masyarakat

#### **Halatuju 4: Pengantarabangsaan**

Dalam dunia tanpa sempadan hari ini di mana liberalisasi dan globalisasi menguasai dunia, tidak ada lagi amalan sama-sama berkongsi kemenangan. Sebaliknya, dunia hari ini mengamalkan konsep siapa kuat dialah yang menang dan berkuasa. Walaupun berat hati untuk diterima, konsep tersebut terpaksa ditempuh oleh seluruh masyarakat dunia termasuklah di Malaysia. Persoalannya, sejauh manakah keupayaan para mahasiswa kita di IPT awam mahupun swasta dapat menghadapi fenomena dunia seperti ini? Satu-satunya jawapan yang ada ialah pengantarabangsaan – iaitu menjadikan para pelajar di Malaysia bertaraf antarabangsa [10].

Pengantarabangsaan perlu dilihat sebagai sesuatu yang positif kerana ia menyediakan peluang untuk pelajar berkongsi dan menerima banyak perkara terutama di dalam ilmu pengetahuan dan aspek kebudayaan. Tanpa kehilangan identiti bangsanya sendiri, pelajar digalakkan untuk bersikap terbuka terhadap perkongsian “sempadan” di dalam kehidupan. Sekalipun begitu, ini tidak bermakna mereka perlu kehilangan rasa jati diri dan identiti. Mereka seharusnya lebih terbuka terhadap idea Pengantarabangsaan dan pada masa yang sama mampu mewakili atau berperanan sebagai duta kecil terhadap bangsa dan tanahairnya sendiri tanpa rasa malu dan ragu.

Berikut dicadangkan beberapa mekanisme bagi menjayakan halatuju pengantarabangsaan yang boleh dilaksanakan di kolej-kolej kediaman, antaranya ialah:

- i. Kolej Kediaman mengadakan perlu Program Pertukaran Pelajar dengan beberapa buah Universiti antarabangsa. Pertukaran pelajar ini boleh dijalankan dalam dua aspek:
  - a. Akademik – melibatkan pemindahan kredit dan pembelajaran selama satu semester.
  - b. Budaya – melibatkan aktiviti pertukaran dan penghayatan budaya di antara pelajar tempatan dengan pelajar-pelajar antarabangsa.
- ii. Kolej Kediaman mengadakan Program Pertukaran Kakitangan/Penyelia secara giliran ke beberapa Universiti antarabangsa.
- iii. Universiti Malaya melalui Fakulti dan Kolej Kediaman mengadakan Seminar/ Persidangan Pelajar Peringkat Antarabangsa. Hasil daripada seminar tersebut akan diterbitkan dalam bentuk prosiding.
- iv. Kolej Kediaman boleh mengadakan Lawatan Sosialisasi Budaya melibatkan pelajar dan kakitangan ke beberapa Universiti antarabangsa yang terkenal.

Dalam menjayakan mekanisme-mekanisme yang dicadangkan, pelajar-pelajar dan penyelia-penyelia yang terlibat dalam program pengantarabangsaan haruslah dipilih berdasarkan sikap keterbukaan mereka dan bukan yang berideologi ethnosentrik. Pelajar mesti boleh menghayati dan menghargai perbezaan dan seterusnya memperbaiki diri dan corak pemikiran agar setara dengan pemikiran yang bertaraf antarabangsa.

#### **Halatuju 5: Mendokong Aspirasi Kerajaan**

Mendokong Aspirasi Kerajaan bukan bermaksud pelajar dipaksa untuk bergiat dalam politik negara tetapi ia memberi maksud yang lebih positif iaitu pelajar kita perlu lebih matang dan berpendirian di dalam menyokong dan mendokong aspirasi negara. Aspirasi yang positif dan membina seharusnya disokong dan dilaksanakan dalam bentuk yang berkesan dan bermakna. Pada masa yang sama mereka juga perlu matang dan berketrampilan di dalam memberi respon kepada aspirasi kerajaan. Sebagai contoh, di dalam menyampaikan sokongan dan cadangan serta di dalam menyalurkan kritikan yang bertujuan untuk menambahbaik dan memurnikan pelaksanaan aspirasi kerajaan mestilah dilakukan dengan berhemah. Pendekatan sebegini akan membentuk mereka menjadi acuan pemimpin yang berwibawa di dalam pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran yang demokratik [8]. Justeru, perlu ada ruang dan wadah untuk golongan pelajar belajar bersuara dengan cara yang betul. Ia akan mendidik pelajar untuk berfikir kritis dan membina dan ia merupakan persediaan untuk mereka sebagai pemimpin pada masa akan datang.

Berikut digariskan beberapa cadangan mekanisme bagi menjayakan halatuju pembangunan pelajar di kolej kediaman yang mendukung aspirasi kerajaan, antaranya ialah:

- i. Kolej Kediaman perlu mengadakan satu program berkaitan semangat patriotik di kalangan pelajar tahun satu. Modul program akan dikendalikan oleh BTN.
- ii. Kolej Kediaman perlu mengadakan siri ceramah khususnya berkaitan mengapa pelajar perlu mendokong hasrat kerajaan.
- iii. Kolej Kediaman perlu mengadakan pertandingan menulis Esei Peringkat Universiti untuk memberi peluang kepada mahasiswa/i menyuarakan pendapat berkaitan cara, kepentingan dan kelebihan yang diperolehi apabila mendokong aspirasi kerajaan.
- iv. Kolej Kediaman perlu mencetak poster-poster yang menarik bagi memaklumkan kepada penghuni kolej kediaman berkaitan kepentingan dan kelebihan penyemaian nilai-nilai patriotik di kalangan pelajar.

Bagi menjayakan mekanisme-mekanisme di atas, semua pihak terutamanya para pengetua dan penyelia kolej perlu bergabung tenaga dalam memberikan contoh teladan yang baik kepada para pelajar terutama yang berkaitan dengan aspek-aspek kepimpinan dan semangat patriotisme. Kejayaan halatuju ini bukan bergantung kepada berapa banyak maklumat yang disampaikan tetapi lebih kepada berapa banyak contoh teladan yang ditonjolkan dan berapa banyak tindakan yang telah dijalankan dari halatuju ini.

## Penutup

Pelajar perlu dilihat sebagai generasi pelapis yang akan menentukan kesinambungan pelaksanaan Wawasan 2020 negara. Justeru, dalam merealisasikan agenda pembangunan sosial negara, usaha-usaha pembangunan pelajar mesti diteruskan. Ia penting di dalam usaha negara untuk melengkapkan mereka dengan kepimpinan berketrampilan di samping pembangunan potensi insan yang menyeluruh bersesuaian dengan aspirasi Wawasan 2020. Bagi menjamin pelaksanaannya yang berkesan, isu-isu berhubung pembangunan, pendidikan dan sosial pelajar perlu ditangani secara mampan. Usaha-usaha sebegini akan lebih berkesan melalui penglibatan semua pihak terutama di kalangan pembuat dasar dan polisi negara, agensi dan jabatan kerajaan yang berkaitan dengan pelaksanaannya, IPTA, dan badan-badan bukan kerajaan yang berkaitan.

Namun di peringkat pendidikan tinggi, universiti amnya dan kolej-kolej kediaman khas berperanan sebagai platform di dalam menjadi wadah penting untuk menterjemahkan misi kerajaan di dalam membangunkan modal insan negara. Jadi kolej-kolej kediaman menjadi pemangkin untuk membangunkan mutu modal insan negara yang mempunyai 'mentaliti kelas pertama', yakni bukan sahaja berketerampilan dari segi intelek bahkan juga keperibadian mereka. Perkara ini dapat dicapai melalui usaha kolej-kolej kediaman menjana projek-projek yang mampu menggilap potensi diri pelajar dan dapat menyumbang kepada kecemerlangan organisasi. Lima halatuju yang boleh dijadikan garis panduan pembangunan pelajar merangkumi aspek-aspek seperti (a) kecemerlangan akademik, (b) perpaduan kaum, (c) budaya penyayang, (d) pengantarabangsaan, dan (5) aspirasi kerajaan. Dengan pelaksanaannya, ia diharapkan akan dapat membangunkan generasi muda Malaysia yang seimbang keperibadian dan personaliti mereka sesuai dan selaras dengan halatuju Wawasan 2020.

## Rujukan

- [1] URL: Rancangan Malaysia Kesembilan, 2006-2010: Membina tamadun menjulang martabat negara. Available at: <http://www.penerangan.gov.my/penerangan/ebook/rmk9/rmk9.htm>
- [2] Shertzer, B. dan Stone, S. C. (1992). Amla H.M.Salleh & Puteh Mohamed (penterjemah). Asas-Asas Bimbingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

- [3] Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim dan Muhammad Hussin, 2005. Kecemerlangan Akademik dan Perancangan Kerjaya. Seminar Kecemerlangan Pelajar anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya bersempena Program Haluansiswa Pelajar Pusat Asasi Sains 2005 Universiti Malaya, Mei 2005.
- [4] Rohani Ramly, 2005. Bengkel Persediaan Fasilitator Fasa I Program Latihan Pembangunan & Pengurusan Organisasi (PLPPO) Kolej Kediaman. Anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya. Ristec Beach Resort, Port Dickson, 7 - 9 Januari 2005.
- [5] Rohani Ramly, 2005. Bengkel Persediaan Fasilitator Fasa II Program Latihan Pembangunan & Pengurusan Organisasi (PLPPO) Kolej Kediaman. Anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya. Riviera Bay Resort, Melaka, 12-14 Jun 2005.
- [6] Unit Latihan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya, 2003. Bengkel Pembangunan Diri Pelajar Baru Haluansiswa 2003/2004. Anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya. Auditorium Kompleks Perdana Siswa, 8 April 2003.
- [7] Unit Latihan Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya, 2003. Bengkel Fasilitator Haluansiswa 2003/2004. Anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya, Holiday Villa Cherating, Pahang, 10 – 11 Mei 2003.
- [8] Rosmawati Mohd Ali, 2004. Kem Kepimpinan Mahasiswa Kolej Kediaman Universiti Malaya. Anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya. Dusun Eco Resort Bentong, Pahang, 5 – 8 Februari 2004.
- [9] Azizan Baharuddin, 2003. Prestasi Akademik Mahasiswa Kini Memberangsangkan? Seminar Pembantu Mahasiswa sesi 2003/2004. Anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya. Auditorium Kompleks Perdana Siswa, 8 April 2003.
- [10] Lukman Ismail, 2005. Pengantarabangsaan Pelajar: IPT Tempatan Bersedia. Dalam Utusan Malaysia, Jumaat 22 Julai 2005, ms.14.